

27/10/1998

125 pelukis sertai pameran sempena sidang Apec

PAMERAN lukisan Kembara Seni Tampak Malaysia sempena Persidangan Kerjasama Asia Pasifik (Apec) yang bakal berlangsung dari 14 hingga 16 November ini di Kuala Lumpur, menampilkan pelukis baru dan lama.

Sejumlah 125 pelukis sudah menghantar karya masing-masing kepada pengurus pameran, Anugerah Gallery Sdn Bhd, dan ramai lagi dijangka menghantar karya mereka bagi memeriahkan pameran itu.

Antara pelukis yang sudah menghantar karya mereka ialah Datuk Ibrahim Hussein, Syed Ahmad Jamal, Latiff Mohidin, Redza Piyadassa, Dr Chew Teng Beng, Ismail Latiff, Yeoh Jin Leng, Yusof Ghani, Sharifah Fatimah Zubir, Rafiee Ghani, Jehan Chan, Tajuddin Ismail, Anthony Sum, Ilse Noor, Chan Fee Meng, Awang Damit, Anthony Lau, Raphael Scott Ahbeng, Sylvester Jussem, Fauziah Omar, Long Thien Shih, Sylvia Lee Goh dan Khalil Ibrahim.

Karya Yahya Hassan yang akan dipamerkan ialah Bangunan Sultan Ibrahim - Johor Bahru, Yeong Seak Ling (Siri Kehidupan Kampung), Mohd Sanip Lasman (Tarian Pahlawan), Hoo Kok Chin (Rumah Kampung) manakala Johari Alias (Mendengar Bunyi Alam).

Semua karya mereka yang akan dipamerkan itu berkisar dalam aliran realis, surrealis, impresionis, kubisme, kontemporari, abstrak, modern arts, figura dan potret.

Galeri Anugerah akan menggunakan kesempatan mengendalikan pameran seni tampak itu bagi memecahkan rekod pameran paling besar, dengan himpunan tidak kurang 150 pelukis dalam satu pameran.

Justeru semua pelukis di seluruh negara dijemput menyertai pameran terbabit dan mereka yang menghantar karya sebelum 30 Oktober ini akan disahkan penyertaan secara automatik.

Karya yang dipamerkan dalam pameran berprestij itu akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu koleksi persendirian untuk tujuan pameran sahaja, karya milik galeri dan karya untuk jualan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan pameran itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 14 November dan antara tetamu khas adalah Bill Clinton, Tony Blair, John Howard, Nelson Mandela, Sultan Brunei dan Bill Gates.

(END)